# PERBADANAN SUKAN SARAWAK

## NOTIS IKLAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor – kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kelas** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut: -

| **No. Ruj Dan Tajuk Tender** | **Pendaftaran Kelas, Kepala & Sub-Kepala** | **Yuran Dokumen (RM)** | **Jenis Tawaran (Terbuka/ Terhad kepada Bumiputera Sahaja)** | **Tarikh dan Masa Bagi Lawatan Tapak** | **Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Tender** | **Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender** |
|---|---|---|---|---|---|---|
| T/SSC/12/2019<br><br>"Proposed Additional Work At 25 Meter And 50 Meter Outdoor Shooting Range At Stadium Petrajaya, Kuching, Sarawak" | Kelas D atau E, Kepala: I Sub-Kepala: 1 | RM100.00<br><br>Dibayar dalan bentuk **BANK DERAF** atas nama "**PERBADANAN SUKAN SARAWAK**" dan mengemukakan resit Rasmi untuk pengambilan dokumen tender | Terhad kepada Bumiputera Sahaja | 23hb Julai 2019 (Selasa) Jam 10.00 pagi<br><br>Berkumpul di Shooting Range At Stadium Petrajaya | 5hb Ogos 2019 (Isnin) | 6hb Ogos 2019 (Selasa) Jam 12.00 tengahari |

2. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL DAN SALINAN UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL DAN SALINAN PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA, COP RASMI SYARIKAT** dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen tender dijual kepada kontraktor yang layak.

3. Bayaran yuran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk **BANK DERAF** yang dibayar atas nama **PERBADANAN SUKAN SARAWAK**.

4. Contoh Dokumen Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **23hb Julai 2019 (Selasa)** hingga **5hb Ogos 2019 (Isnin)** pada waktu pejabat di Unit Akaun, Stadium Perpadauan, Jalan Stadium, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.

5. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat yang diberi kuasa secara bertulis / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Tender**. Sila bawa cop rasmi syarikat bagi pengesahan penghantaran dokumen tender. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah.

**Ketua Pegawai Eksekutif**
**Perbadanan Sukan Sarawak**
**Tingkat 2, Stadium Sarawak,**
**Petra Jaya, 93050 Kuching,**
**Sarawak**

6. Lawatan tapak adalah **WAJIB** dan hendaklah dihadiri oleh Pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL DAN SALINAN UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ)**, **SIJIL ASAL DAN SALINAN PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA, COP RASMI SYARIKAT** dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** semasa lawatan tapak.

7. Dokumen tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.

8. **PERBADANAN SUKAN SARAWAK** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

**Ketua Pegawai Eksekutif**
**Perbadanan Sukan Sarawak**
**20hb Julai 2019**